



SOALAN LAZIM BERKAITAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP)
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN PKS)

S1:	Apakah Geran Khas PRIHATIN?
J1:	Geran Khas PRIHATIN (GKP) adalah bantuan kewangan secara <i>one-off</i> berjumlah RM3,000 kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro yang berkelayakan bagi meringankan beban kewangan perniagaan mereka yang terjejas akibat wabak COVID-19.
S2:	Siapakah yang layak memohon Geran Khas PRIHATIN?
J2:	<ol style="list-style-type: none">1. Pemohon mestilah berstatus warganegara Malaysia; dan2. Pemohon yang menjalankan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro seperti berikut:<ul style="list-style-type: none">- Jumlah jualan atau perolehan tahunan kurang daripada RM300,000; dan- Jumlah pekerja kurang daripada 5 orang, tidak termasuk pemilik; dan3. Berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum atau pada 31 Disember 2019; dan4. Masih aktif menjalankan perniagaan semasa permohonan dibuat; dan5. Semakan silang data dengan agensi yang dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.
S3:	Berapakah nilai Geran Khas PRIHATIN?
J3:	Jumlah nilai Geran Khas PRIHATIN adalah RM3,000 yang akan dibayar secara <i>one-off</i> .
S4:	Bagaimanakah memohon Geran Khas PRIHATIN?
J4:	Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal GKP (https://gkp.hasil.gov.my) yang disediakan oleh LHDNM. Permohonan secara manual tidak akan diterima.

S5:	Bilakah tarikh permohonan Geran Khas PRIHATIN bermula?
J5:	Permohonan Geran Khas PRIHATIN dibuka mulai 1 Mei 2020 hingga 15 Mei 2020 .
S6:	Bilakah keputusan permohonan boleh diketahui?
J6:	Pemohon boleh menyemak keputusan permohonan bermula pada minggu pertama Jun 2020.
S7:	Saya berdaftar dengan agensi kerajaan (contohnya SSM dan Pihak Berkuasa Tempatan) tetapi tidak berdaftar dengan LHDNM, adakah saya layak memohon Geran Khas PRIHATIN?
J7:	Layak. Pemohon hendaklah mengisikan butiran pendaftaran perniagaan di borang permohonan dalam talian semasa memohon.
S8:	Bilakah tarikh pembayaran Geran Khas PRIHATIN akan dibuat?
J8:	Pembayaran dijangka akan dibuat pada bulan Jun 2020.
S9:	Bagaimanakah kaedah bayaran Geran Khas PRIHATIN dilaksanakan?
J9:	Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank pemohon yang layak. Akaun bank mestilah aktif.

Disediakan pada 30 April 2020